

233 ditangkap jadi keldai dadah

FOTO: IHSAN JSJN

Tawaran kerja luar negara, pakej percutian mewah punca terjerat

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Terpedaya dengan tawaran kerja serta pakej percutian mewah menjadi punca individu di negara ini sanggup menjadi keldai dadah.

Ini terbukti dengan penahanan 233 orang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2, Sepang bagi tempoh dua tahun sejak 2019 dengan rampasan dadah mencecah RM6.6 juta.

Tahun 2019 mencatatkan 131 tangkapan dengan rampasan bernilai RM2.7 juta manakala tahun berikutnya seramai 102 individu telah ditahan dengan rampasan berjumlah RM3.9 juta.

Mendedahkan perkara itu,

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Selangor, Asisten Komisioner Abdul Latiff Mehat berkata, siasatan pihaknya mendapati sindiket dadah menjadikan lapangan terbang KLIA dan KLIA2 sebagai transit untuk menghantar bekalan dadah tempatan atau ke negara lain.

Menurutnya, sindiket akan mengiklankan tawaran kerja di media sosial dengan upah lumayan selain pakej percutian, pekerjaan di luar negara atau bekerja sebagai wakil syarikat untuk mengambil barang dan seumpamanya.

“Mangsa yang tertarik akan menghubungi nombor telefon yang dipaparkan sebelum berjumpa dengan individu (suspek) berkenaan.

“Selepas berjumpa, mangsa akan direkrut oleh sindiket untuk menjadi keldai dadah,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Abdul Latiff berkata, dadah itu diseludup dengan kaedah



ABDUL LATIFF

body pack iaitu diikat pada anggota badan dalam kuantiti satu hingga dua kilogram (kg) sahaja untuk seorang.

Katanya, keldai dadah juga boleh menggunakan pakaian yang besar atau labuh bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

“Selain itu dadah juga boleh disorok di bahagian bagasi, makanan haiwan dan bungkusan hadiah.

“Kebanyakan mangsa tidak menyedari yang mereka terjerat dengan sindiket,” katanya.

Tambahnya, siasatan polis mendapati kebanyakan keldai dadah diupah dengan bayaran sebanyak RM2,000 hingga RM3,000 dan percutian bagi sekali penghantaran. Malah upah itu juga bergantung kepada jenis dadah yang dibawa.

“Bagi mengelak dikesan sindiket memilih waktu awal pagi kerana tiada kesesakan penumpang dan penumpang ketika itu.

“Malah sindiket juga akan mensasarkan waktu puncak kerana beranggapan ketika itu



Polis mengesan taktik keldai dadah yang menyembunyikan dadah pada badan.

pemeriksaan yang terhad oleh pihak berkuasa di lapangan terbang.

Abdul Latiff menjelaskan, syabu merekodkan rampasan terbanyak dalam tempoh dua tahun itu.

“Pada tahun 2019, 29.8kg

syabu dirampas manakala pada tahun 2020 pula sebanyak 3,649.4 kg.

“Ini menunjukkan permintaan tinggi dadah jenis itu di luar negara yang harganya meningkat dua hingga tiga kali ganda,” katanya.

Annuar Musa diambil keterangan atas dakwaan langgar SOP

KUALA LUMPUR - Polis telah merakam kenyataan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berhubung dakwaan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika menghadiri satu majlis baru-baru ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Saiful Azly Kamaruddin berkata, pihaknya telah merakam keterangan menteri itu pada Selasa bagi membantu siasatan.

“Kita akan merakam keterangan individu yang hadir pada majlis tersebut,” katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Bersama Pesara dan Bekas Polis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur di sini pada Rabu. Saiful Azly berkata,

pihaknya juga akan mengambil kira video permohonan maaf yang dikeluarkan oleh pihak penganjur majlis itu.

“Kita juga sedang menyasat kemungkinan pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) Covid-19. Selepas siasatan selesai, kita akan merujuk kepada timbalan pendakwa raya,” katanya.

Sebelum ini tular di media sosial gambar Annuar bersama beberapa individu duduk di meja sambil menikmati jamuan yang didakwa tanpa penjarakan fizikal di sebuah majlis Sabtu lalu.

Difahamkan polis telah memanggil pihak penganjur majlis berkenaan untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan berhubung perkara tersebut.

Pengasas produk kecantikan cium kanak-kanak ditahan

KUALA LUMPUR - Seorang pengasas produk kecantikan ditahan polis bagi membantu siasatan berhubung satu video TikTok tular menunjukkan seorang lelaki mencium bibir kanak-kanak lelaki.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, penahanan

dilakukan pada Selasa. “Suspek berusia 30-an itu akan disiasat di bawah Akta Kesalahan Seksual terhadap kanak-kanak 2017 berkaitan kesalahan amang seksual fizikal,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Pada Selasa, tular video lelaki itu mencium bibir kanak-kanak yang didakwa sebagai adik angkatnya.

Bagaimanapun difahamkan TikTok suspek itu kini telah dinyah aktif.

Mujahid berjaya batal saman fitnah Kamarul Zaman

KUALA LUMPUR - Datuk Seri Dr Mujahid Yusof berjaya membatalkan saman fitnah difailkan bekas Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Kamarul Zaman Yusoff terhadapnya berhubung laporan rencana membabitkan kenyataan Ahli Parlimen Parit Buntar itu yang diterbitkan dalam dua portal berita.

Peguam, Noorazmir Zakaria yang mewakili Mujahid berkata, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Rozana Ali Yusoff membenarkan permohonan bekas Menteri di Ja-

batan Perdana Menteri itu untuk membatalkan saman itu yang difail pada 14 Oktober tahun lalu.

“Mahkamah bersetuju dengan hujahan defendan (Mujahid) bahawa tuntutan saman itu adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah. Mahkamah membenarkan permohonan Mujahid dengan kos RM5,000,” katanya ketika dihubungi pemberita selepas keputusan permohonan tersebut menerusi prosiding dalam talian (e-review) pada Rabu.

Menerusi writ saman dan pernyataan tuntutan yang difailkan

pada 28 Julai tahun lepas, Kamarul Zaman, 51, mendakwa Mujahid selaku defendan menerbitkan dua rencana berunsur fitnah membabitkan kenyataannya di dua portal berita dalam talian.

Kamarul Zaman mendakwa kenyataan fitnah itu antara lain membawa maksud bahawa beliau seorang ahli akademik murahan, berfikiran jumud dan rasis serta menyerang parti politik Amanah.

Plaintif menegaskan kenyataan fitnah itu tidak benar dan diterbitkan oleh defendan dengan berniat jahat. - Bernama